



**BUKU PANDUAN
MAJELIS SASTRA ASIA TENGGARA (MASTERA)**

DAFTAR ISI

PENGENALAN	1
DEKLARASI MASTERA	2
PIAGAM MASTERA	4
1. MUKADIMAH	4
2. NAMA	5
3. TUJUAN	5
4. KEGIATAN	6
5. KEANGGOTAAN	6
TATAKERJA MAJLIS SASTERA ASIA TENGGARA (MASTERA)	8
1. KEANGGOTAAN	8
2. TUJUAN	8
3. TUGAS	8
4. STRUKTUR	8
5. PENTADBIRAN MAJLIS	10
6. KEWANGAN	11
7. PERSIDANGAN	11
8. BAHAN SIDANG MASTERA	13
9. KEPUTUSAN SIDANG MASTERA	13
10. PEMBAHAGIAN KERJA	14
11. PENGUSULAN KEGIATAN/PROJEK BAHARU	14
12. PEMBATALAN DAN PENANGGUHAN	14
13. PINDAAN/REVISI TATAKERJA MASTERA	14

PENGENALAN

Mastera atau Majlis Sastera Asia Tenggara dipersetujui pada asasnya oleh tiga Negara Pendiri (Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia) dalam Kongres Bahasa Melayu Sedunia pada 25 Ogos 1995, yang diwujudkan untuk bidang sastera.

Penubuhan Mastera telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, YB Datuk Khalid Yunus sempena Majlis Pelancaran Mastera dan Sidang Pertama Mastera di Balai Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 12 Ogos 1996. Majlis tersebut telah disaksikan oleh wakil-wakil dari negara Singapura, Thailand, Filipina, dan Vietnam. Pada hari bersejarah tersebut juga rancangan lima tahun kegiatan Mastera (1996-2000) telah dibincangkan dan dipersetujui oleh ketiga-tiga Negara Pendiri.

Mastera telah diputuskan sebagai sebuah majlis serantau yang mewakili lembaga pemerintah setiap negara anggota. Keanggotaannya terdiri daripada tiga kelompok, iaitu Negara Pendiri¹, Negara Anggota² dan Negara Pemerhati³. Mastera kini dianggotai oleh negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand.

Negara Singapura telah menjadi negara anggota pada tahun 2012. Majlis menandatangani Perisytiharan Bersama oleh negara Singapura telah diadakan dalam Sidang ke-18 Mastera pada 17 Oktober 2012 di Kuala Lumpur. Thailand pula secara rasminya menjadi negara anggota Mastera pada 18 September 2014. Majlis menandatangani Perisytiharan Bersama telah diadakan semasa Majlis Pembukaan Sidang Ke-20 Mastera di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, Negara Brunei Darussalam.

¹ Negara Pendiri adalah tiga negara yang pertama mendirikan Mastera, iaitu Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia.

² Negara Anggota adalah lima negara yang telah disahkan menjadi Negara Anggota Mastera melalui Sidang Mastera dan dikekalkan dalam dokumen deklarasi dan pengisytiharan.

³ Negara Pemerhati ialah negara di Asia Tenggara dan negara lain yang mempunyai Pusat pengajian Melayu/Indonesia yang diundang rasmi untuk menyertai kegiatan Mastera.

DEKLARASI MASTERA

Atas kesedaran bangsa serumpun yang mendiami wilayah Asia Tenggara dengan perubahan ekonomi dan politik rantau ini, serta pertumbuhan budaya dan peningkatan keintelektualan bangsa, kami wakil-wakil daripada organisasi Kerajaan Pemerintah dan masyarakat dari sebahagian negara Asia Tenggara; Dewan Bahasa dan Pustaka Negara Brunei Darussalam, Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Indonesia, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia menyatakan dengan rasmi akan menubuhkan sebuah Majlis Sastera Asia Tenggara (atau ringkasnya Mastera). Dengan ini bersetuju akan:

- Merapatkan hubungan, pengertian dan kerjasama kesusasteraan bagi memajukan dan mengembangkan kesusasteraan Melayu/Indonesia ke arah menjadi warga sastera dunia yang berwibawa.
- Menyelaraskan kegiatan dan penyelidikan kesusasteraan Melayu/Indonesia secara terpadu.
- Mengusahakan peluang-peluang bersama untuk para sasterawan memajukan bakat, penterjemahan penerbitan dan pengiktirafan terhadap pencapaian mutu ciptaan sastera.
- Memantapkan penyebaran dan penggunaan bahasa Melayu/Indonesia sebagai wahana komunikasi, media ilmu pengetahuan dan media pengucapan seni ke peringkat rantau dan antarabangsa.
- Melaksanakan segala butiran yang terkandung dalam piagam majlis.

Kami juga bersetuju akan mengundang kemudiannya badan-badan yang sama di negara-negara Singapura, Thailand, Filipina, Vietnam, Kemboja dan Laos untuk menganggotai Majlis ini sebagai Pemerhati bagi tujuan meluaskan kegiatan kesusasteraan melalui pengucapan dalam bahasa Melayu/Indonesia secara lebih meluas, penting dan berwibawa.

Ditandatangani oleh:

Pengiran Dato Paduka
Haji Badaruddin b. Pengiran Haji Ghani
Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka
Negara Brunei Darussalam.



Dr. Hassan Alwi
Kepala Pusat Pembinaan
dan Pengembangan Bahasa
Indonesia.



Hassan Alwi

Haji A. Aziz Deraman
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.



Disaksikan oleh:

1. Dr. Nagasura T. Madale
Filipina
2. Haji Almuhammad Hashim
Singapura
3. Cik Nurreyan Saleh
Thailand
4. Dr. Pham Duc Thanh
Vietnam



Kuala Lumpur, Malaysia
25 Ogos 1995.

PIAGAM MASTERA

1. MUKADIMAH

- 1.1. Hasil kesusasteraan di negara-negara Asia Tenggara, terutama di negara-negara kepulauan Melayu, berkembang secara berasingan setelah masing-masing negara mencapai kemerdekaan. Ikatannya hanya pada wahana bahasa, iaitu bahasa Melayu/Indonesia.
- 1.2. Atas kesedaran sebagai bangsa serumpun yang mendiami wilayah ini, maka usaha-usaha merapatkan perhubungan antara para sasterawan telah dimulai sejak tahun 1973. Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (DBP) bersama-sama Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) telah menganjurkan Seminar Kesusasteraan Nusantara pada tahun tersebut. Acara ini disusuli dengan siri Pertemuan Sasterawan Nusantara sejak tahun 1977 yang diadakan secara bergilir-gilir di Singapura, Indonesia, Malaysia dan Brunei Darussalam. Ikut serta dalam setiap pertemuan ini ialah penulis-penulis dari Thailand dan Filipina. Hasil daripada kegiatan ini, badan-badan bahasa dan sastera bukan kerajaan atau pemerintah telah menubuhkan Majlis Sasterawan Nusantara pada tahun 1994. Malaysia (melalui GAPENA) telah diberi amanah untuk menjadi Sekretariat Majlis tersebut.
- 1.3. Sejalan dengan kerjasama erat dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan dan pembangunan lain amnya, maka difikirkan amat perlu diwujudkan juga satu badan khusus kesusasteraan bagi memantapkan lagi kemesraan dan keharmonian serantau yang sedia terjalin. Untuk itu semua negara di rantau ini hendaklah menganggotai badan atau majlis ini. Melalui aktiviti dan kerjasama kesusasteraan kebangsaan dari semasa ke semasa di kalangan ahli maka hubungan ini akan dapat dipereratkan lagi.
- 1.4. Usaha-usaha pengembangan sastera peringkat wilayah ini harus ditangani secara lebih konkrit oleh pihak Kerajaan/Pemerintah/Institusi yang disahkan oleh kerajaan/pemerintah di negara masing-masing. Majlis milik

Kerajaan/Pemerintah/Institusi yang disahkan oleh kerajaan/pemerintah, akan dapat mengarahkan segala kegiatan pemasyarakatan, apresiasi, penyelidikan dan penerbitan hasil sastera berbahasa Melayu/Indonesia kepada suatu matlamat yang cuba dituju secara bersama

2. NAMA

- 1.1 Sesuai dengan hasrat untuk menjadi wadah bagi perbincangan permasalahan sastera secara bersama, Majlis ini dinamakan **Majlis Sastera Asia Tenggara** atau ringkasnya **Mastera**. Pada peringkat permulaan majlis ini diselenggarakan oleh tiga negara pendiri, iaitu Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia.
- 1.2 Mastera telah diputuskan sebagai sebuah majlis serantau yang mewakili Kerajaan/Pemerintah/Institusi yang disahkan oleh kerajaan/pemerintah setiap negara anggota. Keanggotaannya terdiri daripada tiga kelompok iaitu negara pendiri, negara anggota dan negara pemerhati.

3. TUJUAN

- 3.1. Merapatkan hubungan, pengertian dan kerjasama kesusasteraan negara-negara anggota dalam usaha memajukan dan mengembangkan kesusasteraan serantau ke arah menjadi warga sastera dunia yang berwibawa.
- 3.2. Menyelaraskan kegiatan dan penyelidikan kesusasteraan serantau secara berpadu.
- 3.3. Mengusahakan peluang-peluang bersama untuk para sasterawan memajukan bakat, penterjemahan, penerbitan dan pengiktirafan terhadap pencapaian mutu ciptaan sastera.
- 3.4. Berusaha bersama memantapkan penyebaran dan penggunaan bahasa utama rantau ini sebagai alat komunikasi, media ilmu pengetahuan dan media pengucapan seni ke peringkat rantau dan antarabangsa.

4. KEGIATAN

- 4.1. Merancang dan melaksanakan kegiatan sastra dan penyelidikan sastra di negara-negara anggota secara berpadu.
- 4.2. Merancang dan melaksanakan program-program bengkel penulisan karya sastra untuk para sasterawan muda berpotensi di negara-negara anggota.
- 4.3. Mengusahakan peluang penerbitan di setiap negara bagi karya pengarang-pengarang terkemuka di negara-negara anggota agar dapat disebarluaskan kepada khalayak sastra Melayu/Indonesia dan antarabangsa.
- 4.4. Mengusahakan dana dan melaksanakan skim Anugerah (yang namanya akan ditentukan) bagi mengiktiraf para sarjana sastra berkaliber tinggi dalam bahasa Melayu/Indonesia.
- 4.5. Mengusahakan penerbitan buku, majalah atau jurnal dalam bentuk cetak atau elektronik yang akan menampung hasil karya para pengarang di samping mengusahakan penerbitan risalah sebagai pusat pengumpulan maklumat dan sumber penyebaran maklumat kegiatan kesusasteraan di negara masing-masing.
- 4.6. Meningkatkan usaha melancarkan urusan lalu lintas pengedaran dan pemasaran penerbitan buku, majalah, jurnal dan risalah di negara masing-masing.
- 4.7. Mengadakan kerjasama dengan pusat-pusat Pengajian Melayu/Indonesia di seluruh dunia untuk mengantarabangsakan hasil kesusasteraan Melayu/Indonesia.

5. KEANGGOTAAN

- 5.1. Majlis ini dianggotai oleh wakil lima anggota tetap:
 - a. Brunei Darussalam (Diwakili oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam).

- b. Indonesia (Diwakili oleh Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa, Indonesia).
 - c. Malaysia (Diwakili oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia).
 - d. Singapura (Diwakili oleh Majlis Bahasa Melayu, Singapura)
 - e. Thailand (Diwakili oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Melayu Thailand).
- 5.2. Majlis mengundang wakil dari organisasi yang sama di negara-negara Filipina, Vietnam, Kemboja, Laos, Myanmar dan Timor Leste untuk menganggotai majlis ini sebagai pemerhati.

TATAKERJA
MAJLIS SASTERA ASIA TENGGARA (MASTERA)

1. KEANGGOTAAN

Mastera dianggotai oleh negara ASEAN yang berbahasa Melayu/Indonesia.

2. TUJUAN

2.1 Mempererat hubungan dan kerjasama kesusasteraan negara anggota Mastera.

2.2 Memajukan sastera Melayu/Indonesia sebagai sastera ASEAN.

2.3 Mewujudkan sastera Melayu/Indonesia sebagai warga sastera dunia.

2.4 Memantapkan penggunaan bahasa Melayu/Indonesia sebagai media pengungkap ilmu pengetahuan dan seni ke peringkat rantau dan antarabangsa.

3. TUGAS

3.1 Menentukan kebijakan/dasar, tata kerja, dan rencana kerja Mastera.

3.2 Merancang program dan kegiatan pengembangan, pembinaan, dan apresiasi sastera.


3.3 Mengelola kegiatan penelitian, penyusunan, penterjemahan, penerbitan, dan penghargaan terhadap pencapaian mutu cipta sastera.

3.4 Menyelenggarakan persidangan dan pertemuan ilmiah/seminar.

4. STRUKTUR

Mastera Brunei Darussalam dikelola oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, Mastera Indonesia dikelola oleh Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa, Indonesia, Mastera Malaysia dikelola oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Mastera Singapura dikelola oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura, Mastera Thailand dikelola oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Melayu Thailand.

STRUKTUR MAJLIS SASTERA ASIA TENGGARA (MASTERA)



5. PENTADBIRAN MAJLIS

5.1. Peringkat Negara:

- a. Susunan Pengurus Sekretariat Majlis Sastera Asia Tenggara diperincikan seperti yang berikut.
 - i. Ketua/Pengerusi
 - ii. Wakil Ketua/Timbalan Pengerusi
 - iii. Sekretaris/Setiausaha
 - iv. Sekretariat/Urus Setia
 - i. Lima pakar/ahli:
 - Bidang Sastera Tradisional
 - Bidang Sastera Moden
 - Bidang Sastera Bandingan
 - Bidang Penulisan Kreatif
 - Bidang Organisasi Sasterawan

- b. Jawatan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Setiausaha disandang oleh tenaga dalaman organisasi yang menjadi anggota majlis. Lima ahli jawatankuasa, apabila diperlukan, boleh dipilih dari dalam atau luar organisasi sebagai mewakili para pakar sastera.

5.2. Peringkat Rantau:

- a. Susunan Pengurus Sekretariat Majlis Sastera Asia Tenggara diperincikan seperti yang berikut.
 - i. Ketua/Pengerusi Rantau
 - ii. Wakil Ketua/Timbalan Pengerusi
 - iii. Sekretaris/Setiausaha
 - iv. Empat wakil setiap negara:
 - Wakil Ketua/Timbalan Pengerusi
 - Sekretaris/Setiausaha
 - Pakar Sastera
 - Wakil Organisasi non-pemerintah

- b. Ketua/Pengerusi Rantau dan Sekretaris/Setiausaha dijabat/dijawat oleh negara anggota Mastera yang menjadi penyelenggara sidang.

- c. Wakil Ketua/Timbangan Pengerusi dijawab/dijabat oleh negara anggota Mastera yang lain.
- d. Apabila Ketua/Pengerusi Rantau berhalangan, tugas Ketua/Pengerusi Rantau diambil alih oleh salah satu dari pengerusi negara anggota yang lain.
- e. Sekretariat/Urusetia Mastera berkedudukan/berpusat di negara Pengerusi Rantau Mastera.
- f. Sekretariat/Urusetia Tetap Mastera berkedudukan/berpusat di Malaysia di bawah pentadbiran Dewan Bahasa dan Pustaka dan dipengerusikan oleh Ketua Pengarahnya.

6. KEWANGAN

- 6.1. Anggaran perbelanjaan kegiatan disediakan oleh setiap negara anggota Mastera.
- 6.2. Bagi membiayai kegiatan dan projek tertentu, diperbolehkan untuk menggalang/mendapatkan dana dari sumber-sumber lain.

7. PERSIDANGAN

Persidangan terdiri daripada:

7.1 Sidang Mastera

- 7.1.1 Sidang Mastera diselenggarakan di negara anggota secara bergiliran setiap tahun.
- 7.1.2 Sidang Mastera dipimpin oleh Ketua Mastera Serantau.
- 7.1.3 Tempat, waktu, dan agenda Sidang Mastera diputuskan pada sidang sebelumnya.
- 7.1.4 Peserta Sidang Mastera terdiri atas
 - 7.1.4.1 Ketua Perwakilan, Sekretaris/setiausaha, dan 3 anggota/pakar Mastera.
 - 7.1.4.2 Pemerhati dari negara anggota dan dari negara bukan anggota menghadiri sidang atas undangan Mastera. Pemerhati dapat memberikan sumbangan pemikiran jika diminta.
- 7.1.5 Penyelenggara Sidang Mastera dapat mengikutsertakan dua orang anggota sekretariat/urusetia sebagai pencatat jalannya persidangan (tidak memiliki hak suara dalam persidangan).

7.1.6 Sidang Mastera meneliti dan mengesahkan Keputusan Umum Sidang Mastera sebelumnya, dan hasil Musyawarah Sekretariat.

7.1.7 Bahasa persidangan Mastera ialah bahasa Melayu/Indonesia.

7.2 Musyawarah Mastera /Mesyuarat Sekretariat Mastera

7.2.1 Musyawarah Mastera/Mesyuarat Sekretariat Mastera diselenggarakan untuk:

- a. Meneliti dan menyiapkan tindak lanjut hasil Putusan Umum Sidang Mastera.
- b. Menyiapkan usulan kegiatan yang dicanangkan negara anggota untuk dibahas dalam Sidang Mastera.
- c. Menyiapkan bahan dan hal lain yang diperlukan dalam Sidang Mastera yang akan dilaksanakan.
- d. Menyusun persiapan pelaksanaan kegiatan kesasteraan yang telah diputuskan dalam Sidang Mastera.
- e. Menyiapkan bahan evaluasi pelaksanaan program dan kegiatan Mastera.

7.2.2 Peserta Musyawarah Mastera/Mesyuarat Sekretariat Mastera terdiri atas wakil ketua/timbangan pengurus Mastera, sekretaris/setiausaha, dan satu/dua orang anggota/ahli bidang tiap-tiap negara anggota Mastera.

7.2.3 Dalam Musyawarah Mastera/Mesyuarat Sekretariat Mastera penyelenggara dapat mengikutsertakan dua orang anggota sekretariat/urus setia sebagai pencatat jalannya persidangan.

7.2.4 Tempat dan waktu Musyawarah Mastera/Mesyuarat Sekretariat Mastera ditentukan dalam Sidang Mastera.

7.2.5 Bahasa pengantar Musyawarah Mastera/Mesyuarat Sekretariat Mastera adalah bahasa Melayu/Indonesia.

7.2.6 Musyawarah Mastera/Mesyuarat Sekretariat Mastera diselenggarakan secara bergilir di negara anggota Mastera.

7.3 Pertemuan Jawatankuasa/Panitia Mastera

Diselenggarakan oleh negara masing-masing sebagai persiapan sebelum Musyawarah dan Sidang.

7.4 Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT)

7.4.1 SAKAT diselenggarakan selama dua hari sebelum Sidang Mastera.

7.4.2 Kertas kerja/makalah dari negara anggota Mastera serta negara pemerhati, yang jumlahnya ditetapkan berdasarkan kesepakatan. (Tuan Rumah: 3 kertas kerja/ makalah, Negara anggota lain: 2 kertas kerja/makalah, Negara Pemerhati: 1 kertas kerja/makalah)

7.4.3 Peserta seminar terdiri atas perwakilan negara anggota Mastera dan negara pemerhati, wakil lembaga pemerintahan negara tuan rumah, guru, pensyarah/dosen, ilmuwan, sasterawan, dan peminat lain.

8. BAHAN SIDANG MASTERA

8.1 Bahan Sidang Mastera disiapkan oleh Panitia Penyelenggara/Jawatan Kuasa Mastera negara penyelenggara.

8.2 Bahan Sidang Mastera diterima oleh Mastera penyelenggara paling lambat satu bulan sebelum Sidang Mastera berlangsung.

9. KEPUTUSAN SIDANG MASTERA

Laporan Sidang Mastera disusun dalam bentuk Keputusan Umum yang berisi

- a. Pernyataan Bersama (ditandatangani oleh para ketua/Pengerusi dengan tata letak tanda tangan mengikut urutan abjad),
- b. Anggota sidang,
 - i. Pemerhati,
 - ii. Urus Setia
 - iii. Narasumber, (jika ada)
- c. Jadual dan Agenda
- d. Sumber Rujukan,
- e. Bahan/dokumen sidang,
- f. Laporan Pelaksanaan Sidang,
- g. Usulan Sidang
- h. Hal-hal lain
- i. Penghargaan
- j. Lampiran

10. PEMBAHAGIAN KERJA

- 10.1. Program kegiatan penelitian, penyusunan, penerbitan, penterjemahan, pertemuan, seminar, kuliah, dan lain-lain diatur berdasarkan kesepakatan negara anggota dalam Sidang Mastera.
- 10.2. Penghargaan sastera dilakukan oleh penyelenggara Sidang Mastera sebagai berikut.
 - 10.2.1. Anugerah Sastera Mastera diberikan oleh Mastera Brunei Darussalam.
 - 10.2.2. Hadiah Sastera Mastera diberikan oleh Mastera Malaysia.
 - 10.2.3. Penghargaan Sasterawan Muda Mastera diberikan oleh Mastera Indonesia.
- 10.3. Penerbitan buku dilakukan oleh negara anggota Mastera.

11. PENGUSULAN KEGIATAN/PROJEK BAHARU

Kegiatan/projek baru diusulkan sewaktu sidang atau dalam mesyuarat sekretariat/musyawarah. Negara pengusul harus menyediakan kertas cadangan/proposal untuk dibentangkan dan diluluskan di dalam Sidang Mastera.

12. PEMBATALAN DAN PENANGGUHAN

Setiap pembatalan atau penangguhan program kegiatan Mastera yang telah disepakati terdahulu, hendaklah disetujui dan disepakati oleh negara anggota Mastera dan dilaksanakan selambat-lambatnya dua bulan dari tanggal pelaksanaan disusul dengan surat pernyataan resmi.

13. PINDAAN/REVISI TATAKERJA MASTERA

- 13.1. Setiap pindaan/revisi Tatakerja Mastera perlu diusulkan dalam Sidang MASTERA untuk disepakati.
- 13.2. Pindaan/revisi Tatakerja Mastera akan ditindaklanjuti dalam Musyawarah/Mesyuarat Sekretariat Mastera sebelum dibicarakan dalam Sidang Mastera untuk disahkan.
- 13.3. Jika ada hal yang tidak termaktub dalam Tatakerja Mastera ini, Sekretariat yang berkaitan, melalui Pengerusi/Ketua Mastera boleh menindaklanjutinya dengan membuat perincian melalui surat rasmi.

